

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 OGOS 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelantikan Pengerusi Dan Tiga Anggota PAC Dalam Kabinet, Tidak Pernah Punyai Agenda Tersembunyi	BERNAMA
2.	Pelantikan Menteri baharu dari Sabah beri kekuatan, tambahan suara - Kurup	BERNAMA
3.	Keputusan Perdana Menteri gugur beberapa Menteri, tidak langgar undang - undang	BERNAMA
4.	Rakyat diminta terus sokong Najib dan barisan kabinet baharu	BERNAMA
5.	Amaran ribut petir pagi ini	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 OGOS 2015 (SABTU)



Pelantikan Pengerusi Dan Tiga Anggota PAC Dalam Kabinet, Tidak Punyai Agenda Tersembunyi



BAGAN DATOH, 1 Ogos (Bernama) -- Pelantikan pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Nur Jazlan Mohamed dan tiga anggota lain jawatankuasa berkenaan ke dalam kabinet baharu yang diumum pada 28 Julai lepas tidak mempunyai agenda tersembunyi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mereka dilantik kerana mereka layak.

"Pertimbangan yang dibuat oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) jika seseorang itu di manapun kedudukannya, sama ada di PAC atau lain-lain badan termasuk GLC (syarikat berkaitan kerajaan), jika layak untuk diletakkan di dalam barisan kabinet atau anggota pentadbiran maka jangan dilihat bahawa ia ada agenda tersembunyi untuk menafikan hak dan kelayakan mereka untuk diberi tempat yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika menghadiri Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bagan Datoh di sini hari ini.

Katanya, pengalisis politik menganggap langkah ini bukan sebagai kebetulan tetapi kononnya perancangan yang rapi untuk mengeluarkan keempat-empat anggota PAC terbabit daripada jawatankuasa berkenaan berikutan peranan mereka menyiasat isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahmad Zahid berkata anggapan itu timbul memandangkan PAC belum dapat bersidang susulan rombakan kabinet baru-baru ini.

Nur Jazlan dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri; Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican sebagai Timbalan Menteri Luar; Datuk Mas Ermieyanti Samsudin sebagai Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan serta **Datuk Wilfred Madius Tangau sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** dalam rombakan kabinet baru-baru ini.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata institusi PAC harus dihormati oleh anggotanya dari semua parti politik.

"Saya bersetuju dengan pendirian Speaker Dewan Rakyat yang mengatakan PAC tidak boleh bersidang tanpa pengerusi. Oleh yang demikian, tunggu keputusan oleh pihak speaker supaya seorang anggota parlimen dilantik sebagai Pengerusi PAC dan tiga tempat bagi ahli-ahli PAC yang tidak lagi berada sebagai anggota PAC untuk dipilih bagi menggantikan jawatankuasa PAC yang sedia ada.

Saya fikir kita tidak perlu terburu-buru untuk mengadakan mesyuarat seolah-olah ada agenda tersembunyi yang dibuat oleh mereka yang mendesak speaker untuk PAC melakukan tindakan segera," katanya.

Beliau berkata semua pihak perlu memberi keyakinan kepada Speaker Dewan Rakyat bagi membolehkannya berunding dengan ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional bagi menentukan siapa pengerusi PAC dan anggotanya yang baharu.

"Ini kerana kita tidak mahu mempengaruhi sebarang siasatan dan juga keputusan yang dibuat oleh PAC.

"Saya fikir keterbukaan PAC harus dipertahankan supaya persepsi negatif terhadap apa yang dilakukan oleh PAC dapat diberikan peluang untuk terus diberikan dokongan oleh ahli-ahli parti politik dan rakyat majoriti secara keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 OGOS 2015 (SABTU)



Pelantikan Menteri Baharu Dari Sabah Beri Kekuatan, Tambahan Suara - Kurup

KOTA KINABALU, 1 Ogos (Bernama) -- Pelantikan dua menteri baharu menyertai barisan Kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan memberi kekuatan dan tambahan suara bagi mewakili rakyat Sabah di peringkat Persekutuan, kata Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup.

"Dengan ini, kita boleh menguatkan lagi suara kita untuk membawa beberapa perkara yang didahagakan oleh rakyat negeri ini kepada perhatian pemimpin Persekutuan," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya penduduk Sepanggar bersama anak-anak yatim di sini, Sabtu.

Kurup, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata Sabah masih memerlukan banyak lagi pembangunan dan pembaharuan termasuk dari segi peningkatan taraf hidup di luar bandar, infrastruktur kesihatan dan pendidikan.

"Perkara ini yang kita mahu beri penekanan dan saya percaya perdana menteri akan sentiasa mendengar (suara) dan apa yang difikirkan patut. Saya sangat percaya bahawa beliau akan mewujudkan sesuatu untuk memajukan Sabah untuk seiring pembangunan di Semenanjung," katanya.

Pada Selasa, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak telah dilantik sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang baharu, menggantikan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Sementara, Pemangku Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Datuk Wilfred Madius Tangau dilantik sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang baharu, menggantikan Naib Presiden UPKO Datuk Ewon Ebin, yang memegang portfolio itu sebelum ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 OGOS 2015 (SABTU)



Keputusan Perdana Menteri Gugur Beberapa Menteri, Tidak Langgar Undang-undang

IPOH, 1 Ogos (Bernama) -- Keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menggugurkan lima menteri daripada barisan kabinet adalah tidak melanggar undang-undang, kata Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata Najib selaku Perdana Menteri mempunyai hak mutlak untuk memilih atau menggantikan mana-mana menteri termasuk jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Di bawah Perlembagaan Persekutuan, beliau (Najib) diberi kuasa mutlak untuk pilih sesiapa yang beliau suka, percaya dan yakin untuk menjadi pasukan beliau di dalam kabinet dan yang dilantik itu mestilah ahli parlimen sama ada dari Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

"Ia satu keputusan yang sempurna sebab kalau Perdana Menteri buat keputusan langgar undang-undang, mungkin kita ada pendapat lain tapi ini hak beliau, beliau boleh lantik sesiapa sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan UMNO Bahagian Ipoh Barat 2015 di Bangunan UMNO Negeri Perak di sini Sabtu.

Turut hadir Ketua UMNO Ipoh Barat, Datuk Shamsuddin Abd Ghafar dan Ketua Wanita UMNO Ipoh Barat, Datuk Sharifah Hashimah Syed Kamaruddin.

Shahrizat berkata kenyataan yang dibuat bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan tetap bersama parti menjalankan tugas dan tidak akan membiarkan mana-mana pihak terutama pihak luar untuk memecah belahan parti adalah satu penghormatan.

"Dalam parti (UMNO), Presiden kita adalah Datuk Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Presiden dan Naib-Naib Presiden termasuk Datuk Seri Mohd Shafie Apdal manakala apabila kita dalam kerajaan Datuk Seri Najib sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Kami wanita UMNO, kita 'parti diutamakan' dan pucuk kepimpinan yang ada kita beri sokongan," katanya.

Selain daripada Muhyiddin dan Mohd Shafie, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hasan Malek, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel dan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin** digugurkan dalam rombakan kabinet Selasa lepas.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 OGOS 2015 (SABTU)



Rakyat Diminta Terus Sokong Najib Dan Barisan Kabinet Baharu

TAWAU, 1 Ogos (Bernama) -- Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Hamisa Samat, meminta rakyat agar terus memberi sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak serta barisan Kabinet yang baharu dilantik.

Beliau berkata rombakan menteri Kabinet adalah satu amalan biasa bagi mengukuhkan pasukan kepimpinan kerajaan terutama bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

"Rombakan Kabinet baru-baru ini adalah merupakan hak perdana menteri untuk memilih anggota pasukan baharu yang akan bekerja bersama-sama dengannya terutama bagi mencapai matlamat serta janji-janji semasa pilihan raya lalu.

"Malah kita melihat pelantikan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalannya yang baharu merupakan gandingan yang mantap bagi melakukan lebih banyak transformasi kepada pembangunan negara," katanya di Kalabakan, dekat sini Isnin.

Beliau mengulas rombakan Kabinet Selasa lepas yang turut menyaksikan dua nama baharu dari Sabah dilantik menteri iaitu Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia dan **Datuk Wilfred Madius Tangau sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.**

Hamisa berkata pelantikan dua nama baharu dari Sabah itu jelas menunjukkan kepercayaan Najib kepada kepimpinan negeri ini untuk bersama-sama dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap rakyat.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 OGOS 2015 (SABTU)



Amaran Ribut Petir Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di perairan Selat Melaka, Tioman, Layang-Layang, Reef North, Reef South, Kuching, Labuan, Palawan, Sulu dan Sulawesi dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan Isnin memaklumkan keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter.

Menurut kenyataan berkenaan, keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

Sementara itu, ribut petir turut berlaku di perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sarawak, Labuan dan Sabah yang juga dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan yang sama menyebabkan angin kencang sehingga 50km/sj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA